

2



FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI MALAYA

Pengakuan Keaslian Penulisan

Nama Calon: NURUL AMALI BIN MOHD. SHAMSUDIN

No. Pendaftaran: PGA 020285

Nama Ijazah: SARJANA PENDIDIKAN

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan:

KAJIAN PERLAKSANAAN PENGAJARAN TILAWAH

AL-QURAN DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI


Bidang Pengkhususan: SAINS SOSIAL

Saya sahkan bahawa segala bahan yang terkandung dalam Kertas Projek/Laporan Penyelidikan ini adalah hasil usaha saya sendiri. Sekiranya terdapatnya hasil kerja orang lain atau pihak lain sama ada diterbitkan atau tidak (seperti buku, artikel, kertas kerja, atau bahan dalam bentuk yang lain seperti rakaman audio dan video, penerbitan elektronik atau internet) yang telah digunakan, saya telah pun merakamkan pengiktirafan terhadap sumbangan mereka melalui konvesyen akademik yang bersesuaian. Saya juga mengakui bahawa bahan yang terkandung dalam Kertas Projek/Laporan Penyelidikan ini belum lagi diterbitkan atau diserahkan untuk program atau ijazah lain di mana-mana universiti.

Perpustakaan Universiti Malaya



A511933107

Tandatangan:  Tarikh: 4/10/24

KAJIAN PERLAKSANAAN PENGAJARAN TILAWAH AL-QURAN DI
SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI

Oleh

NURUL AMALI MOHD. SHAMSUDIN

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pendidikan Universiti Malaya
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Keperluan Untuk
Ijazah Sarjana Pendidikan

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA

SEPTEMBER 2004

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran ke hadrat Allah Taala kerana kajian ini telah dapat disiapkan sebagaimana yang dirancang. Terlebih dahulu penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia penulis Ustaz Mohd. Yusuf Ahmad atas bimbingan, dorongan dan tunjuk ajar yang tidak kunjung jemu diberikan kepada penulis sehingga terhasilnya tulisan dan kajian ini.

Penulis juga mengucapkan berbilang terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Ketua Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan, Prof. Madya Dr. Wan Hasmah Wan Mamat, Ketua Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Dr. Shahril Jamaluddin dan Dr. Naimah Ishak atas bimbingan dan kerjasama yang telah diberi sehingga memungkinkan penulis menyelesaikan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga penulis ucapkan kepada Ustaz Haji Sholehuddin Kayat, Timbalan Pengarah, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor, Ustaz Solekhan Roup, Ustaz Khairul Anam dan pegawai-pegawai di Jabatan Agama Islam Selangor atas kerjasama yang telah diberikan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua pengetua dan guru di sekolah-sekolah menengah agama di Selangor yang telah memberikan kerjasama penuh bagi menjayakan kajian ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga buat Ayahanda Haji Mohd Shamsudin Md Yahaya dan Ibunda Hajjah Hapsah Haji Bajuri atas segala penat lelah dan jerit payah mendidik penulis selama ini. Buat

kekanda adan adinda penulis, penulis ucapkan terima kasih atas segala dorongan yang diberikan.

Teristimewa buat isteri tersayang, Roslin Mohamad Sulaiman dan anak-anak, Siddiq, Basyirah, Umar, Izzati dan Ahmad, untuk mereka kejayaan ini. Terima kasih atas segala pengorbanan, dorongan dan inspirasi sehingga membolehkan penulis menyiapkan tulisan ini. Semoga Allah memberkati hidup kita semua sehingga ke hari kita semua akan menemui-Nya, amin.

Salam sejahtera dan terima kasih untuk semua.

NURUL AMALI BIN MOHD. SHAMSUDIN

Bandar Puteri, Klang.

27 September 2004.

1105 pagi.

ABSTRAK

Kajian ini dibuat bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam berhubung pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran di Sekolah-sekolah Menengah Agama di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Kajian tertumpu kepada pelaksanaan pengajaran tilawah dalam waktu rasmi pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah (PQS).

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik di mana data diperolehi menggunakan borang soal selidik dan temuramah. Sampel kajian terdiri daripada 46 orang guru yang mengajar mata pelajaran PQS di 21 buah sekolah seluruh Selangor dan merupakan populasi bagi kajian ini. Oleh itu, dapatan yang diperolehi melalui kajian ini menggambarkan keadaan sebenar pengajaran tilawah al-Quran bagi PQS di Selangor.

Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti guru (71.7 peratus) yang mengajar PQS di Selangor telah memperuntukkan waktu bagi mengajar tilawah kepada pelajar. Namun demikian, terdapat sebilangan guru (28.9 peratus) yang menafikan pengajaran tilawah sebagai salah satu objektif utama mata pelajaran ini. Dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan antara guru dalam memperuntukkan waktu bagi mengajar tilawah kepada pelajar dan kaedah yang digunakan dalam pengajaran tilawah bagi mata pelajaran ini tidak banyak membantu pelajar untuk menguasai kemahiran membaca al-Quran. Masa yang tidak mencukupi, sukatan ayat tilawah yang terlalu banyak dan kewujudan kelas khas al-Quran menjadi antara faktor pelaksanaan pengajaran tilawah yang tidak menyeluruh sebagaimana yang

dihasarkan oleh kurikulum mata pelajaran ini. Memperuntukkan lebih banyak waktu bagi mata pelajaran PQS dan memberikan lebih banyak latihan kepada guru yang mengajar mata pelajaran PQS menjadi antara cadangan utama guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini bagi memperbaiki pengajaran tilawah al-Quran kepada pelajar.

Hasil daripada dapatan-dapatan ini, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi memperbaiki pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran dalam mata pelajaran PQS. Cadangan-cadangan yang diutarakan melibatkan aspek kawalan pelaksanaan, latihan dan peruntukan waktu bagi mata pelajaran ini.

ABSTRACT

STUDY ON THE IMPLEMENTATION OF THE *TILAWAH AL-QURAN'S* TEACHING IN STATE'S SECONDARY RELIGIOUS SCHOOLS

The aim of the study was to get a deeper understanding on the implementation of the teaching of *tilawah al-Quran* in secondary religious schools operated by Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). This study focused on the teaching of *tilawah al-Quran* during the allocated time for the Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah (PQS) subject.

This study used the survey method where data was gathered using questionnaires and through interviews. Samples for this study consisted of 46 teachers who are teaching PQS at 21 schools throughout Selangor and they are the population for this study. Therefore, the findings of this study indicate actual implementation of the teaching of *tilawah al-Quran* in PQS in Selangor.

The finding of this study reveals that the majority of the teachers (71.7 percent) teaching PQS in Selangor have allocated time for the teaching of *tilawah*. At the same time, there are also teachers (28.9 percent) who denied the teaching of *tilawah al-Quran* as one of the main objectives for this particular subject. The findings also revealed differences between teachers in the allocation of time for the teaching of the *tilawah* and the methods used in the teaching of *tilawah* did not contribute much in helping students to master the skills needed to read the *al-Quran*. Insufficient time allocated for this subject, too many *ayat* or verses of the *Quran* that

must be read and the introduction of a special *al-Quran* classes were some of the factors describing why the teaching of *tilawah* was not wholly implemented as intended by the curriculum for the PQS subject. Suggestions to improve the quality of teaching of *tilawah al-Quran* included allocation of more time for the PQS and providing more training to teachers teaching this subject.

Based on these findings, several suggestions have been put forward to improve the quality of the teaching of *tilawah al-Quran* in PQS. The suggestions given include the monitoring of its implementation, trainings for the teachers and the allocation of time for this subject.

KANDUNGAN

Perkara	Halaman
Penghargaan	i
Abstrak	iii
Abstract	v
Kandungan.....	vii
Senarai Jadual.....	ix
 Bab Satu : Pengenalan	
A. Latar Belakang Kajian.....	1
B. Permasalahan Kajian.....	9
C. Tujuan Kajian.....	13
D. Soalan Kajian.....	14
E. Definisi Operasional.....	16
F. Kepentingan Kajian.....	18
G. Limitasi Kajian.....	20
 Bab Dua : Kajian Literatur	
A. Pengenalan.....	22
B. Kepentingan Membaca.....	24
C. Konsep Kemahiran Membaca dan Pembacaan (Tilawah) al-Quran.....	26
1. Konsep Umum Proses Membaca.....	26
2. Konsep Pembacaan al-Quran.....	30
3. Tuntutan Membaca al-Quran.....	36
D. Kaedah Pengajaran Kemahiran Membaca dan Tilawah al-Quran.....	38
1. Kaedah Pengajaran Membaca.....	39
2. Pengajaran Tilawah Al-Quran.....	45
3. Kepentingan <i>Talaqqi</i> dan <i>Musyafahah</i>	56
E. Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kemahiran Membaca..	59
F. Latar Belakang Sekolah Agama Negeri (SAN) di Selangor.....	61
1. Negeri Selangor Secara Ringkas.....	61
2. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).....	63
3. Pendidikan Islam di Selangor.....	64
i. Era Awal Kedatangan Islam.....	64
ii. Institusi Pondok.....	66
iii. Institusi Sekolah Agama atau Sekolah Arab.....	68
4. Sekolah Agama Menengah (SAM) Negeri.....	72
5. Struktur Pentadbiran SAM Negeri.....	74
a. Peringkat Jabatan.....	74
b. Peringkat Sekolah.....	77

6. Kurikulum SAM.....	78
7. Jadual Waktu SAM.....	79
Bab Tiga : Metodologi Kajian	
A. Pengenalan.....	80
B. Sampel Kajian.....	81
C. Instrumen Kajian.....	83
1. Borang Soal Selidik.....	84
2. Sesi Temubual.....	89
D. Ujian Rintis.....	91
E. Pengumpulan Data.....	91
F. Analisis Data.....	93
G. Prosedur Penyelidikan.....	94
H. Kesimpulan.....	96
Bab Empat : Analisis Data	
A. Pengenalan.....	98
B. Pemerihalan Data.....	100
a. Latar Belakang Demografik.....	100
b. Latar Belakang Profesionalisma.....	103
c. Pelaksanaan Pengajaran Tilawah al-Qur'an Dalam Mata Pelajaran PQS.....	107
C. Penjelasan Data.....	112
D. Menjawab Soalan-soalan Kajian.....	114
E. Kesimpulan.....	124
Bab Lima : Rumusan dan Perbincangan	
A. Pengenalan.....	126
B. Perbincangan Berdasarkan Soalan Kajian.....	127
1. Soalan Satu.....	128
2. Soalan Dua.....	131
3. Soalan Tiga.....	133
4. Soalan Empat.....	135
5. Soalan Lima.....	136
C. Rumusan Perbincangan.....	139
D. Cadangan-cadangan Hasil Dapatan Kajian.....	141
E. Cadangan Penyelidikan Akan Datang.....	142
F. Kesimpulan.....	143
Rujukan.....	x
Lampiran	
A. Surat-surat Kebenaran Menjalankan Kajian.....	xviii
B. Contoh Borang Soal Selidik.....	xxii
C. Transkrip Catatan Lapangan Sesi Temubual.....	xxxii
D. Senarai Pakej Mata Pelajaran Di Sekolah Menengah Kelolaan JAIS.....	li
E. Contoh Jadual Waktu Sekolah Agama Menengah JAIS.....	lviii

SENARAI JADUAL

Jadual 1 : Jumlah Pecahan Sampel Mengikut Sekolah.....	81
Jadual 2 : Taburan Kekekapan Dan Peratusan Responden Mengikut Faktor Demografik.....	102
Jadual 3 : Taburan Kekekapan Dan Peratusan Responden Mengikut Faktor Latar Belakang Profesionalisma.....	106
Jadual 4 : Skor Persepsi Guru Terhadap Pengajaran Tilawah al-Quran.....	112
Jadual 5 : Peruntukan Waktu Oleh Guru.....	115
Jadual 6 : Peratusan kekekapan Kaedah-kaedah Yang Digunakan Dalam Pengajaran Tilawah al-Quran Kepada Pelajar.....	116
Jadual 7 : Peratusan Kaedah Yang Paling Kerap Digunakan Dalam Pengajaran.....	117
Jadual 8 : Perbandingan Skor Persepsi Guru Terhadap Pengajaran Tilawah Dan Peningkatan Kemahiran Pelajar.....	118
Jadual 9 : Perhubungan Antara Jantina Guru Dan Peruntukan Waktu.....	120
Jadual 10 : Perhubungan Antara Kelulusan Ikhtisas Dan Peruntukan Waktu.....	121
Jadual 11 : Perhubungan Antara Pengalaman Mengajar PQS Dan Peruntukan Waktu.....	122
Jadual 12 : Peratusan Cadangan Oleh Guru.....	124
Jadual 13 : Jumlah Peruntukan Waktu Seminggu Bagi PQS Di Sekolah Menengah JAIS.....	129